

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : DATARAN BELIA

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah Dataran Belia yang telah dibangunkan di bawah Negeri Selangor sehingga sekarang? Sila senaraikan mengikut tahun.
- b) Apakah jenis bantuan dan peruntukkan yang boleh didapatkan dari pihak EXCO Belia dan Sukan untuk pembangunan Dataran Belia?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membina Dataran Anak Muda Negeri Selangor yang merupakan tempat atau pusat untuk belia bagi mengadakan pelbagai program dan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada di Selangor.

Untuk itu, sebanyak 33 Dataran telah dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi DUN seperti berikut :-

BIL	DUN
1	Balakong
2	Bangi
3	Batang Kali
4	Batu Caves
5	Bukit Antarabangsa
6	Bukit Lanjan
7	Bukit Melawati
8	Chempaka
9	Dusun Tua
10	Gombak Setia

BIL	DUN
11	Hulu Kelang
12	Ijok
13	Jeram
14	Kajang
15	Kota Anggerik
16	Kota Damansara
17	Kuang
18	Lembah Jaya
19	Meru
20	Morib
21	Paya Jaras
22	Permatang
23	Rawang
24	Semenyih
25	Seri Andalas
26	Seri Serdang
27	Sijangkang
28	Sungai Burong
29	Sungai Pelek
30	Taman Templer
31	Tanjong Sepat
32	Teluk Datuk
33	Teratai

- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum dan sentiasa peka dengan keperluan kemudahan sukan termasuk Dataran Anak Muda dalam usaha martabat dan memajukan sukan di Negeri ini. Namun begitu, buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina Dataran Anak Muda yang baru.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap DUN bagi projek menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang mana permohonan bagi projek ini boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Peruntukan ini adalah bertujuan membaikpulih kemudahan sukan untuk digunakan oleh masyarakat setempat bagi menjalankan aktiviti riadah dan bersukan dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang aktif dan sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat selain dijadikan sebagai tumpuan rekreasi anak muda.

Justeru, pada tahun ini peruntukan tersebut akan dikhususkan kepada Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Bola Sepak manakala bagi tahun-tahun berikutnya akan ditentukan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PBT

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kedudukan rizab semua PBT bawah Selangor sejak 5 tahun lepas sehingga sekarang.
- b) Sila senaraikan segala hasil kutipan PBT Majlis Bandaraya Petaling Jaya (kutipan cukai dan lain-lain) secara terperinci.

JAWAPAN:

- a) Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataannya tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2014 hingga tahun 2018 adalah seperti jadual berikut:

PBT	Rizab Tunai Tahun 2014 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2015 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2016 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2017 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2018 (RM JUTA)
MBSA	370.84	401.13	454.81	303.35	371.17
MBPJ	415.17	411.21	360.08	98.43	31.08
MPK	28.86	82.89	176.15	90.34	115.17
MPAJ	92.87	107.91	90.73	36.37	22.31
MPSJ	128.49	102.52	120.70	(4.40)	(9.64)
MPS	44.77	70.52	150.54	29.87	38.63
MPKj	172.84	207.50	264.68	73.91	92.11
MPSP	133.04	192.29	250.40	177.14	222.82
MDKL	28.77	35.03	47.42	41.06	61.81
MDHS	16.32	43.88	56.83	56.26	62.26
MDKS	(8.05)	12.16	13.12	(64.55)	55.41
MDSB	9.40	5.58	4.85	1.18	2.61
JUMLAH	1,433.32	1,672.62	1,990.31	839.96	1,065.74

*Sumber berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit

- b) Hasil kutipan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut :

	2018	2019
HASIL CUKAI		
Cukai Taksiran	248,812,415	260,316,977
Caruman Bantuan Kadar	2,477,980	3,078,519
JUMLAH HASIL CUKAI	<u>251,290,395</u>	<u>263,395,496</u>

	2018	2019
HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen, Bayaran Perkhidmatan & Permit	27,684,096	28,494,274
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	28,429,428	32,428,010
Perolehan & Jualan Barang-Barang	1,449,299	1,250,399
Sewaan	15,534,067	15,802,418
Faedah & Perolehan Dari Pelaburan	21,188,678	18,824,077
Denda & Kompaun/ Hukuman	18,395,040	17,767,262
Sumbangan & Bayaran Ganti Drpd Luar Negeri & Sumbangan Tempatan	1,269,910	112,400
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	<u>113,950,518</u>	<u>114,678,841</u>

TERIMAAN BUKAN HASIL		
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,428,399	1,907,910
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000
Terimaan Lucut Hak Cagaran		152,955
JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL	<u>7,428,399</u>	<u>7,060,865</u>

JUMLAH HASIL	<u>372,669,312</u>	<u>385,135,202</u>
---------------------	---------------------------	---------------------------

Sumber : Angka bagi tahun 2018 adalah daripada Penyata Kewangan Majlis yang telah diaudit

Angka bagi tahun 2019 adalah daripada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi suku tahun keempat 2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : MAKLUMAT MAJLIS TINDAKAN OKU SELANGOR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan ahli-ahli jawatankuasa serta portfolio bagi mereka yang berada dalam Majlis Tindakan OKU Selangor.
- b) Berapakah mesyuarat yang telah dijalankan selepas penubuhan Majlis Tindakan OKU ini?
- c) Berapakah warga OKU yang berdaftar di bawah Negeri Selangor dan DUN Bandar Utama? Sila senaraikan maklumat nama dan cara berhubung bagi OKU di bawah DUN Bandar Utama.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : MAKLUMAT PROGRAM IPR BAWAH KERAJAAN SELANGOR

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan program-program IPR yang terkini dan terbaru di bawah Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Sila senaraikan jumlah pemohon untuk setiap program tersebut seterusnya jumlah yang berjaya berdaftar menjadi penerima untuk setiap program tersebut di bawah Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Sila senaraikan jumlah pemohon untuk setiap program tersebut seterusnya jumlah yang berjaya berdaftar menjadi penerima untuk setiap program tersebut di bawah DUN Bandar Utama.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : USAHA PENCEGAHAN DENGGI

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kes-kes denggi mengikut DUN dari September 2019 sehingga kini.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan sistem e denggi yang diselaras di kesemua negeri dalam Malaysia. Tiada maklumat kes denggi dibuat pengasingan mengikut DUN dalam sistem berkenaan. Walau bagaimanapun berikut adalah data umum kes denggi di Selangor:

Jumlah kes denggi dari September 2019 sehingga 29 Februari 2020 ialah: 22, 078 kes

Jumlah Kes Denggi Selangor Tahun 2019: 72, 543 kes

Jumlah Kes Denggi 1 Januari 2020 hingga 29 Februari 2020 : 16,212 kes

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : SUMBER HASIL PENDAPATAN BAHARU NEGERI

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratus hasil Kerajaan Negeri terkini yang datang dari hasil premium tanah?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil premium tanah?

JAWAPAN:

- a) Peratus hasil Kerajaan Negeri terkini sehingga 29 Februari 2020 yang datang daripada hasil premium tanah adalah sebanyak 32.68% iaitu RM123.57 juta daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil Negeri sebanyak RM378.151 juta.
- b) Pendapatan utama Kerajaan Negeri adalah daripada hasil bukan cukai iaitu premium tanah dan penyumbang kedua terbesar adalah daripada hasil cukai tanah.

Hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan iaitu hasil tanah, lombong, hutan, duti hiburan, terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air, sewa dan jualan harta Negeri, bayaran fi, denda dan pelucuthakkan mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, faedah atas baki wang negeri, bayaran mengenai perkhidmatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan harta karun.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha lain masih diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Di antara langkah-langkah yang dirancang bagi mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan Negeri dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil premium tanah adalah :

- 1) Pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi

pembangunan berstrata ke atas kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018.

- 2) Memperkenalkan Caj Fi Bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
- 3) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- 4) Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- 5) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- 6) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan ibu tunggal yang direkodkan mengikut DUN dan pecahan kaum?
- b) Apakah terdapat kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk membantu golongan ibu tunggal?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROJEK PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan projek penggantian paip air lama yang telah dilaksanakan sejak bulan September 2019 mengikut DUN, dan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk setiap projek.
- b) Senaraikan kerja-kerja terjadual untuk menggantikan paip mengikut DUN pada tahun 2020.

JAWAPAN:

- a) Program penggantian paip merupakan program yang dilaksanakan setiap tahun secara berterusan. Sebanyak 63 projek yang sedang dan telah dilaksanakan sejak September 2019 merangkumi Program Penggantian Paip Tahun 2017 hingga 2018 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM223.5 juta.

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
1.	Gombak	FRIM Kepong	Keseluruhan
2.	Gombak	Kg Tasek Permai	Jln Permai 5,6,7,8,26,28, 29, B, E, Lrg Permai 27,27a
3.	Gombak	Selayang Baru	Keseluruhan
4.	Hulu Langat	Country Heights 2	Keseluruhan
5.	Hulu Langat	Tmn Hiew Piow	Keseluruhan
6.	Hulu Selangor	Jln Besar Kg Keliang	Jln Besar Kg Jelutung, Kg Jambu
7.	Hulu Selangor	Jln Syed Mansor KKB	Jln Padang Golf, Jln Hospital, Jln Hospital 1(I), Jln Syed Mansor, Jln Abdul Hamid
8.	Hulu Selangor	Kg Genting Permai Btg Kali	Jln Genting Permai 1-5, Jln Genting Permai 3/1, 1/2, 1/1, Jln Genting Permai Utama, Jln Genting Permai A-D
9.	Hulu Selangor	Kg Lim Tan Rawang	Jln NGP, NGP 2/1, Jln 1-4, Jln Waterfall Lama 1, 2
10.	Hulu Selangor	Peringkat 3 Kg Sg	Jln Utama, Jln 2 - 10

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
		Buaya	
11.	Klang/Shah Alam	Pelabuhan Klang	Persiaran Raja Muda Musa
12.	Klang/Shah Alam	Seksyen 16, Shah Alam	Jalan-Jalan Di Sekitar Blok 1-6
13.	Klang/Shah Alam	Seksyen 3, Shah Alam	Sebahagian Besar
14.	Klang/Shah Alam	Seksyen 7, Shah Alam	Jln Permata 7/1, 7/1(i) – (iii), Jln Berlian 7/1 A, Jln Baiduri 7/1b, Jln Nilam 7/1c, Jln Emas 7/1e, Jln Perak 7/1f & 7/1f(i), Jln Itan 7/1h, Jln Mutiara 7/1m, Jln Zmrud 7/1k, Jln Suasa 7/11, Jln Tembaka 1/1p, Jln Manikam 7/2, Jln Manikar Satu
15.	Klang/Shah Alam	Shah Alam	Persiaran Raja Muda, Bulatan Bestari, Bulatan Mastika
16.	Klang/Shah Alam	Teluk Pulai	Jln Serampang 1, 3, Lrg Serampang 2-5, 6b, 6c, Solok Serampang 1 – 3, Jln Teluk Pulai
17.	Klang/Shah Alam	Tmn Sri Andalas	Jln Sri Mersing 1, 22 - 29
18.	Kuala Langat	Kg Labuhan Dagang	Jln Utama Labohan Dagang, Jln Masjid Lama, Jln Rdu 1 -3, Jln Kolam Ikan, Jln Sentosa, Jln Bahagia, Jln Hj Amin
19.	Kuala Langat	Kg Sg Kelambu	Jln Besar Sg Lang, Jln Bunga Raya 1 & 2, Lrg Teratai, Jln Siantan, Jln Kencana, Jln Dahlia, Lrg Dahlia Off Jln Kencana, Jln Semarak
20.	Kuala Langat	Kg Sungai Buaya	Jln Besar Sg Buaya, Jln Hj Taib, Jln Muhibbah, Jln Tok Mujir, Lrg, Bambu, Jln Hj Azhor, Lrg, Hj Noor, Lrg Pusara, Jln Hj Husin, Jln Tanah Raja
21.	Kuala Selangor	Kg Pasifik Tin Bestari Jaya	Kg Pasifik Tin
22.	Kuala Selangor	Kg Seri Tiram Jaya Tg Karang	Jln Mawar, Lorong Sentosa 4
23.	Petaling	Kg Baru Subang	Jln 1a, Jln 2, Jln 2a, 2b, 2c, Lrg 2d, Lrg 1b, Jln Subang Sg Buloh, Jln TUDM
24.	Petaling	Kg Desa Aman	Jln D/A 1-3, 6,7,9, Jln D/A Utama
25.	Petaling	Kg Melayu Subang	Jln Bukit Badak, Jln Tembusu, Jln Merbau, Jln Resak, Jln Bunga

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
			Tanjung, Jln Chengal, Jln Sri Cahaya, Jln Jati, Lrg Melati
26.	Petaling	Kg Merbau Sempak	Lorong 2-10, Jln Merbau Sempak
27.	Petaling	Taman Bkt Kuchai	Jln 1-9, 21-26
28.	Petaling	Tmn Sri Serdang	Jln 18/1, 18/7, 18/28, 18/59, 18/60b, 18/61, 18/60a, 18/60
29.	Petaling	Tmn Wawasan	Jln Wawasan 2/1, 2/2, 2/7 – 2/11, Jln Wawasan 3/3, 3/4, 3/12 – 3/14, Jln Wawasan 4/3, 4/6
30.	Sabak Bernam	Jln Menteri Sg Besar	Jln Sg Limau 2, Jln Dato Taiban
31.	Sepang	Desa Pinggiran Putra	Desa Pinggiran Putra 4, 1
32.	Sepang	Kg Limau Manis	Keseluruhan
33.	Sepang	Taman Putra Perdana	Tmn Putra Perdana 6, 9, 1, 3, 5
34.	Sepang	Tmn Pantai Sepang Putra	Tmn Murai, Jln Helang Siput, Tmn Tasik Beringin, Tmn Perling
35.	Gombak	Kaw Perusahaan Batu Caves	Jln Kawasan 1, 2 & 4
36.	Hulu Langat	Hulu Langat Road	Simpang Masjid Batu 14 Hingga Simpang Semungkis, Sk Dato' Abd Jalil Hingga Madrasah Khairiah
37.	Hulu Langat	Jalan Cheras-Kajang	Simpang Cuepacs Hingga Kubur Lama After Saujana Impian Flyover
38.	Hulu Langat	Jalan Sg Lui	Keseluruhan
39.	Hulu Langat	Jln Beranang	Jln Besar Beranang, Jln Besar Beranang Kiri, Kln Sesapan Rembau, Bkt Kepong
40.	Hulu Langat	Jln Rincing Hilir	Jln Hj Idris, Lrg Hj Abas, Jln Datuk Rabbit, Jln Waqaf, Jln Hj Husin, Jln Sekolah, Jln Tok Ketua, Lrg Hj Sidek Lrg Manap, Jln Tok Pulut
41.	Hulu Langat	Kg Kuala Pajam	Keseluruhan
42.	Hulu Selangor	Kg Pasir Putih Kalumpang	Jln, 1 & 3, Jln Besar, Jln Kuarters, Lrg 1 - 4
43.	Hulu Selangor	Rumah Murah Rasa	Keseluruhan

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
44.	Klang/Shah Alam	Kg Sg Udang	Jln Bawal, Jln Hassan, Jln Sg Udang, Jln Tok Sidang, Jln Lrg Serampang 3, Tmn Rumah Murah, Jln Telok Gadong 1, Lrg Telok Gadong 1 - 3
45.	Kuala Langat	Kg Bandar	Jln Ladang
46.	Kuala Langat	Kg Jenjarom	Jln Kg Jenjarom, Jln Sukeppi, Jln Damansor, Jln Hj Damansor
47.	Kuala Langat	Kg Kanchong Tengah	Jln Serai, Jln Lengkuas, Jln Halia, Jln Kesum
48.	Kuala Langat	Kg Seri Cheding	Jln Seri Cheeding, Jln Rajawali
49.	Kuala Langat	Pekan Chodoi	Jln Kolam, Jln Sg Ingat
50.	Kuala Lumpur	Jalan Kapas	Keseluruhan
51.	Kuala Lumpur	Jln Jintan Tmn Supreme	Jln Jintan, Lrg Jintan 3
52.	Kuala Lumpur	Kg Seri Delima	Keseluruhan
53.	Kuala Lumpur	Pumping Main Bangsar Villa	Jln Maarof, Jln Medang Serai
54.	Kuala Lumpur	Pumping Main Sri Hartamas	Jln Dutamas 1, 2 & 4, Persiaran Dutamas, Jln Sri Hartamas 1 & 3
55.	Kuala Lumpur	Pumping Main Taman Segar	Persiaran Lemak, Jln Manis
56.	Kuala Lumpur	Taman Bukit Anggerik	Jalan 4, Tmn Len Seng (For Tmn Bkt Anggerik)
57.	Kuala Lumpur	Taman Fern Grove	Keseluruhan
58.	Kuala Selangor	Tmn Seri Indah Bestari Jaya	Jln 1, 2, 3, 5
59.	Petaling	Kg Kubu Gajah	Keseluruhan
60.	Petaling	Kg Paya Jaras	Jln Kubu Gajah Kanan, Jln Mawar 1, Jln Zon Mawar, Persiaran Delima & Persiaran Deliam 1, Jln Teratai Utama, Jln Asteroid U5/30
61.	Petaling	Sect 5 Kota Damansara	Jln Sepah Putri 5/9
62.	Sabak Bernam	Tebuk Rukun Parit Baru	Jln Rukun
63.	Sepang	Labu Lanjut	Jln 2G, 2E, 2A, Jln Utama, Jalan 1 & Jln 6

- b) Bagi tahun 2020, Air Selangor akan melaksanakan penggantian paip sepanjang 120 km dan ianya sedang dalam peringkat rekabentuk. Senarai 88 kawasan adalah seperti berikut:

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
1.	Gombak	Tmn Bkt Ampang	Jln Berlian
2.	Gombak	Tmn Bkt Idaman	Jln Bkt Idaman 6
3.	Gombak	Tmn Ukay Heights	Jln Teberau
4.	Gombak	Kg Kuala Ampang	Jln Awan
5.	Hulu Langat	Jln Semenyih	Lampu Isyarat Tmn Paling Jaya - RP Seringgit Estate
6.	Hulu Langat	Kg Rinching Hilir	Jln Hj Idris
7.	Hulu Langat	Tmn Puncak Utama	Jln Puncak 1/13
8.	Hulu Langat	Tmn Sakap	Jln Sakap 1
9.	Hulu Langat	Tmn Taming Impian	Jln Taming Impian 1
10.	Hulu Selangor	Bdr Sg Buaya	Jln Cemperaisari 1c
11.	Hulu Selangor	Jln Besar Loji Brh	Jln Besar Loji Brh
12.	Hulu Selangor	Kg Melayu Bt 16	Jln Berkat
13.	Hulu Selangor	Kg Org Asli Bkt Manchong	Jln Kg Org Asli Bkt Manchong
14.	Hulu Selangor	Loji Sg Buaya	Jln Ke Loji Sg Buaya
15.	Hulu Selangor	Tmn Rawang Jaya	Jln 1
16.	Hulu Selangor	Tmn Rawang Jaya	Jln Besar
17.	Klang/Shah Alam	Kg Hamid Tuah	Jln Udang Tampang
18.	Klang/Shah Alam	Kg Jln Kebun	Lrg Mastam
19.	Klang/Shah Alam	Kg Rantau Panjang	Jln Bakti
20.	Klang/Shah Alam	Klang	Jln Prai 14
21.	Klang/Shah Alam	Off Jln Meru	Lrg Patani
22.	Klang/Shah Alam	Psn Hamzah Alang	Psn Hamzah Alang
23.	Klang/Shah Alam	Sek 11 Shah Alam	Jln Kerongsang 11/6b
24.	Klang/Shah Alam	Sek 17 Shah Alam	Jln Sepat 17/57

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
25.	Kuala Langat	Jln Banting-Dengkil	Jln Banting-Dengkil
26.	Kuala Langat	Jln Banting-Klang	Jln Banting-Klang
27.	Kuala Langat	Jln Teluk Mengkuang	Jln Teluk Mengkuang
28.	Kuala Lumpur	Bangsar Baru	Psn Ara
29.	Kuala Lumpur	Bangsar Baru	Jln Ara
30.	Kuala Lumpur	Bdr Damai Perdana	Jln Damai Perdana 10/3F
31.	Kuala Lumpur	Bdr Damai Perdana	Jln Damai Perdana 2/5
32.	Kuala Lumpur	Bkt Bintang	Jln Walter Granier
33.	Kuala Lumpur	Bkt Damansara	Jln Setia Bestari
34.	Kuala Lumpur	Bkt Persekutuan	Lkgn Negeri Sembilan
35.	Kuala Lumpur	Jln Kia Peng	Jln Kia Peng
36.	Kuala Lumpur	Jln Maarof	Jln Maarof
37.	Kuala Lumpur	Jln Segambut Dalam	Jln Segambut Dalam
38.	Kuala Lumpur	Kg Pandan	Jln Belangkas
39.	Kuala Lumpur	Kg Segambut Luar	Jln 1/42
40.	Kuala Lumpur	Off Jln Ampang	Jln Nipah (Off Jln Ampang)
41.	Kuala Lumpur	Off Jln Bangsar	Jln Riong
42.	Kuala Lumpur	Tmn Angsana Hilir	Jln Hilir 1
43.	Kuala Lumpur	Tmn Cheras	Lrg Durian
44.	Kuala Lumpur	Tmn Duta	Jln Ledang
45.	Kuala Lumpur	Tmn Duta	Lrg Duta 2
46.	Kuala Lumpur	Tmn Duta	Jln Nusa
47.	Kuala Lumpur	Tmn Ikan Emas	Jln Ikan Emas
48.	Kuala Lumpur	Tmn Kaya	Jln St Thomas
49.	Kuala Lumpur	Tmn Maluri	Jln Mahkota
50.	Kuala Lumpur	Tmn Midah	Jln Midah Barat
51.	Kuala Lumpur	Tmn Mutiara	Jln Tiram
52.	Kuala Lumpur	Tmn Pertama	Jln Selangat
53.	Kuala Lumpur	Tmn Putra	Jln 8
54.	Kuala Lumpur	Tmn Sejahtera	Jln 4/42a
55.	Kuala Selangor	Jln Rawang	Jln Rawang
56.	Kuala Selangor	Jln Timur Tambahan (B33)	Dari MP DMZ.KS003 Batang Berjantai Tin - Jambatan Kg Sg. Darah

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
57.	Kuala Selangor	Kg Bkt Kerayong	Jln Dato Naim
58.	Kuala Selangor	Pekan Kuala Selangor	Jln Besar Kuala Selangor
59.	Petaling	Jln Sg Buloh - Kuala Selangor	Persimpangan Bkt Rahman Putra - Simpang Penjara Sg Buloh
60.	Petaling	Jln Subang Airport	Jln Subang Airport
61.	Petaling	Jln Tudm	Premis Sykt Pembekalan Lezan - Inlet Kolam Kg Baru Subang
62.	Petaling	Kg Baru Salak Selatan	Jln 36
63.	Petaling	Kg Baru Salak Selatan	Jln 35
64.	Petaling	Kg Sg Plong (Bt 16)	Jln Jati
65.	Petaling	Pjs 3	Jln PJS 3
66.	Petaling	Sek 12 Petaling	Jln 12/16A
67.	Petaling	Sek 16 Petaling	Jln Tuanku Salahuddin Syah 16/9
68.	Petaling	Sek 17 Petaling	Jln 17/1
69.	Petaling	Ss 12	Jln SS 12/1
70.	Petaling	Ss 18	Jln SS 18/1B
71.	Petaling	Ss 2	Jln SS 2/62
72.	Petaling	Tmn Bkt Serdang	Jln BS 5/4
73.	Petaling	Tmn Desa	Jln Desa Utama
74.	Petaling	Tmn Serdang Utama	Jln 14/3D
75.	Petaling	Tmn Serdang Utama	Jln 14/3C
76.	Petaling	Tmn Yarl	Jln Awan Biru
77.	Petaling	Tmn Yarl	Jln Awan Jawa
78.	Petaling	Upm Serdang	Jln Rambutan
79.	Sabak Bernam	Sepintas (Bt 1)	Jln Hj Abdullah
80.	Sepang	Jln Banting - Dengkil B18	Jln Banting - Dengkil
81.	Sepang	Kg Jenderam Hilir	Lrg Melur
82.	Sepang	Kg Jenderam Hulu	Jln Tok Empat Abu
83.	Sepang	Kg Jenderam Hulu	Jln Tuan Guru Md Zin
84.	Sepang	Kg Jenderam Hulu	Jln Ahmad Khusasi

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
85.	Sepang	Kg Org Asli Sg Melut	Jln Sekolah
86.	Sepang	Kg Salak Tengah	Jln Salleh
87.	Sepang	Kg Sg Buah	Jln ke Kg Org Asli
88.	Sepang	Kg Sg Buah	Jln Longan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TARAF EKONOMI ORANG ASLI

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan taburan pendapatan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor dan jenis pekerjaan yang diceburi.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan masyarakat Orang Asli?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor (JAKOA) tidak mempunyai data statistik berkenaan taburan pendapatan di kalangan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor dan belum lagi ada kajian dan soal selidik yang dijalankan bagi mengumpul maklumat mengenai perkara dan data tersebut. Walaubagaimana pun, JAKOA hanya dapat menyediakan data dan maklumat taburan jenis pekerjaan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor. Jenis pekerjaan utama di kalangan masyarakat Orang Asli mengikut DUN di Negeri Selangor adalah seperti di **Jadual 1** di bawah.

BIL.	JENIS PEKERJAAN	BILANGAN KAMPUNG
1.	Pertanian	44
2.	Pekerja Swasta	18
3.	Pekerja Kerajaan	2
4.	Perikanan	10
5.	Kraftangan	-
6.	Pembersihan	-
7.	Landskap	-
8.	Bekerja Sendiri	-
9.	Ternakan	-
10.	Menganggur	-
Jumlah		74

Jadual 1

Jadual statistik menunjukkan daripada **74 buah kampung Orang Asli** di Negeri Selangor menunjukkan bahawa sektor **pertanian** sebagai pekerjaan utama mereka iaitu sebanyak **44 kampung**. Ia turut diikuti oleh sektor **swasta** sebanyak **18 kampung**, sektor **perikanan** sebanyak **10 kampung** dan sektor **kerajaan** sebanyak **2 kampung**. Sektor-sektor yang lain seperti sektor kraftangan, sektor pembersihan, sektor landskap dan sektor ternakan tidak menjadi keutamaan bagi pekerjaan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor. Bagi menjayakan hasrat itu, Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan usaha pembangunan dilaksanakan secara seimbang dan menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar dan di perkampungan Orang Asli.

Sehubungan itu, di antara usaha-usaha awal yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asli bagi menyelaras dan memantau projek dan program berkaitan Orang Asli di Negeri Selangor. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM500,000.00 bagi tujuan pembangunan modal insan dan kebajikan Orang Asli seperti membaik pulih rumah serta melaksanakan program peningkatan ekonomi dan kesihatan Orang Asli.

Di samping itu, pihak JAKOA juga akan memberi penekanan pada aspek membina perumahan baru kepada hampir keseluruhan kampung orang asli di negeri Selangor. Rumah yang dibina telah dilengkapi dengan sumber prasarana yang lengkap bagi memastikan masyarakat orang asli menikmati hidup yang lebih selesa seiring dengan arus pembangunan moden serta dapat mengurangkan bebanan ekonomi mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN SUKAN WANITA

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan sukan wanita di peringkat akar umbi.

- b) Berapakah peruntukan akan digunakan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PERMOHONAN PEMBATALAN PERWARTAAN SEBAHAGIAN TANAH
RIZAB DAN PENGGANTIAN KAWASAN LAPANG**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) 2 Julai 2009 yang melibatkan kawasan lapang di Lot 38163, Daerah Petaling di Jalan PJS 7/13 dan penggantian di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681 (PN17395) Mukim Damansara?

JAWAPAN:

- a) Status pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) 2 Julai 2009 yang melibatkan kawasan lapang di Lot 38163, Daerah Petaling di Jalan PJS 7/13 telah selesai. Pembatalan Warta bagi lot tersebut telah diisytiharkan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 3202 bertarikh 29.08.2019. Pembatalan kawasan lapang ke atas Lot 38163 ini melibatkan keluasan seluas 8442 meter persegi. **(sesalinan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 3202 bertarikh 29.08.2019 dilampirkan sebagai rujukan).**

Berdasarkan maklum balas daripada Pejabat Tanah Daerah Petaling, penggantian di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681 (PN17395) Mukim Damansara, adalah dalam tindakan Kuil Sri Subramaniam untuk mengemukakan pelan pra-perhitungan yang baru kepada Pejabat Tanah Daerah Petaling untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : BERKENAAN TANAH PN 8623 LOT 49365 MUKIM PETALING YANG
TELAH DISATUKAN DENGAN PM130 LOT37563 MUKIM DAMANSARA**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sudahkah pemilik tanah PN 8623 Lot 49365 Mukim Petaling yang telah disatukan dengan PM 130 Lot 37563 Mukim Damansara membayar premium pertama?
- b) Apakah langkah seterusnya yang perlu dilakukan oleh pemilik tanah supaya hakmilik strata dapat dikeluarkan kepada penduduk rumah pangsa kos rendah PJS7/15?

JAWAPAN:

- a) Pemilik tanah telah menjelaskan bayaran premium ke atas kelulusan permohonan berkenaan pada 17 September 2019. Jurukur berlesen bagi pihak pemilik tanah telah mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan penyediaan hakmilik pada 23 Disember 2019. Kini PDT Petaling sedang dalam proses pendaftaran hakmilik muktamad.
- b) Selepas hakmilik muktamad didaftarkan, pemilik tanah perlu mengemukakan permohonan untuk memecah bahagi bangunan di bawah Seksyen 6 Akta Hakmilik Strata (AHS) 1965 kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) bagi tujuan pengeluaran Hakmilik Strata kepada setiap pembeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Bas Smart Selangor dan Exco Kerajaan Tempatan setuju dengan cadangan perubahan laluan SJ02 yang dikemukakan dalam surat daripada ADUN Subang Jaya bertarikh 17.1.2020 dengan rujukan ADUNSJ/EXCO/KT/17012020/001?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, cadangan Yang Berhormat Subang Jaya masih dalam semakan semula laluan sedia ada serta kajian terhadap cadangan pindaan laluan tersebut memandangkan ianya memasuki kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang juga menyediakan perkhidmatan bas percuma iaitu PJCitybus serta berkemungkinan mempunyai laluan bas berbayar. Sebarang pertimbangan juga memerlukan ulasan dan maklum balas daripada jabatan dan agensi lain seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan RapidKL. Cadangan pindaan laluan perlu dibentangkan oleh pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor untuk pertimbangan selanjutnya dan dimuktamadkan berdasarkan hasil kajian semula dan maklum balas daripada semua jabatan dan agensi yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEWARTAAN SEBAGAI TANAH RIBI

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penukaran kegunaan tanah tadika di sebelah Kuil Guan di Sunway di PJS 7 daripada tanah tadika kepada tanah RIBI di peringkat MPSJ, *State Planning Committee* dan Pejabat Tanah?

JAWAPAN:

- a) Y.A.B Dato' Menteri Besar telah meluluskan permohonan ini pada 14 Februari 2020. Kini Bahagian Undang-Undang PTGS sedang dalam proses pengeluaran Warta Kerajaan.

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah mengemukakan permohonan untuk merizabkan tapak ini sebagai tapak Rumah Ibadat Selain Islam (RIBI) ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) pada 11 Disember 2019 bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KITAR SEMULA

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah berat bahan kitar semula mengikut pecahan bahan yang dikutip oleh MPSJ untuk tahun 2020?
- b) Berapakah penjimatan kewangan akibat usaha kitar semula tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah berat bahan kitar semula mengikut pecahan bahan yang dikutip oleh MPSJ untuk tahun 2020.

DATA KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA MPSJ TAHUN 2019

BULAN	BARANGAN KITAR SEMULA											JUMLAH	
	KERTAS	KOTAK	KACA	PLASTIK	ALU	LOGAM	PAKAIAN	TETRAPACK	BATERI (UNIT)	MONITOR (UNIT)	BARANG ELEKTRIK (UNIT)	KG	UNIT
	JAN	651,126.00	474,364.15	23,547.00	457,860.00	532,147.00	945,830.00	452,916.00	81,603.00	3,254.00	4,123.00	5,863.00	3,619,393.15
FEB	663,014.00	789,175.15	22,140.00	432,115.00	631,475.00	956,301.00	460,311.00	83,658.00	2,546.00	3654	4,570.00	4,038,189.15	10,770.00
MAR	762,142.00	556,369.70	20,145.00	556,301.00	722,618.00	1,132,460.00	452,235.00	80,347.00	2,547.00	2,377.00	4,216.00	4,282,617.70	9,140.00
APR	789,610.00	562,190.00	10,023.00	499,687.00	795,679.00	1,223,548.00	455,403.00	82,168.00	3,547.00	536.00	6,473.00	4,418,308.00	10,556.00
MEI	785,604.00	612,821.00	9,467.00	504,587.00	806,945.00	1,236,577.00	456,230.00	83,657.00	4,876.00	321.00	5,423.00	4,495,888.00	10,620.00
JUN	698,401.00	677,660.00	8,473.00	641,750.00	901,476.00	1,354,786.00	454,789.00	82,547.00	2,534.00	241.00	1,342.00	4,819,882.00	4,117.00
JUL	757,823.00	786,536.00	5,123.00	665,213.00	964,782.00	1,252,369.00	475,213.00	80,247.00	1,254.00	324.00	1,204.00	4,987,306.00	2,782.00
OGS	801,247.00	852,273.00	4,576.00	698,710.00	1,024,257.00	1,213,311.00	486,314.00	79,245.00	987.00	547.00	2,354.00	5,160,533.00	3,888.00
SEPT	352,987.17	845,373.00	4,576.00	698,710.00	1,024,257.00	1,472,345.83	486,314.00	79,245.00	987.00	547.00	2,211.00	4,963,808.00	3,745.00
OKT	792,480.00	563,951.00	2,415.00	603,266.00	1,142,176.00	1,364,872.00	497,853.00	23,578.00	452.00	789.00	3,245.00	4,990,591.00	4,486.00
NOV	694,570.00	687,992.00	1,452.00	687,901.00	1,354,764.00	1,178,838.00	213,690.00	85,314.00	862.00	1,425.00	5,472.00	4,904,521.00	7,759.00
DIS	584,369.00	733,216.00	1,325.00	678,120.00	1,452,136.00	1,145,873.00	254,136.00	9,738.00	698.00	983.00	102.00	4,858,913.00	1,783.00
JUM	8,333,373.17	8,141,921.00	113,262.00	7,124,220.00	11,352,712.00	14,477,710.83	5,145,404.00	851,347.00	24,544.00	15,867.00	42,475.00	55,539,950.00	82,886.00

DATA KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA MPSJ TAHUN 2020

BULAN	BARANGAN KITAR SEMULA											JUMLAH	
	KERTAS	KOTAK	KACA	PLASTIK	ALU	LOGAM	PAKAIAN	TETRAPACK	BATERI (UNIT)	MONITOR (UNIT)	BARANG ELEKTRIK (UNIT)	KG	UNIT
	JAN	749,643.00	748,777.50	4,421.00	11,358.00	1,033,244.50	1,477,978.60	70,460.00	360.00	2.00	25.00	45.00	4,096,242.60
JUM	749,643.00	748,777.50	4,421.00	11,358.00	1,033,244.50	1,477,978.60	70,460.00	360.00	2.00	25.00	45.00	4,096,242.60	72.00

b) Penjimatan kewangan akibat usaha kitar semula (2019)

Kos penjimatan : 1 tan = RM36
 : 55,539.96 tan x RM36
 : RM 1,999,438.20

(Nilai Ketara)

Tidak termasuk penjimatan

- Petrol
- Masa perjalanan
- Beban kenderaan
- Pelepasan CO², GHG

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : JALAN PENGATURCARA (MBSA)

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah MBSA mempunyai rancangan untuk membina egress daripada Jalan Pengaturcara U1/51 (JP) agar kenderaan daripada Temasya + Glenmarie boleh masuk terus ke Lebuhraya Persekutuan (LP)? Kini, kenderaan daripada DP naik jejambat merentasi LP ke Jalan Kemajuan Subang dan membuat u-turn depan Wisma Consplant 1. Ini menyebabkan kesesakan teruk terutama pada waktu puncak.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN JALAN

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pernahkan JKR membuat kajian feasibiliti untuk membina *ramp* belok kanan tambahan ke Kelana Jaya link daripada *ramp* Persiaran Kewajipan ke arah Bandar Sunway?
- b) Kalau tidak pernah, dipohon membuat kajian tersebut. Ini akan membolehkan kenderaan daripada KESAS naik ke Kelana Jaya Link tanpa *weaving effect* yang bercanggah dengan trafik daripada USJ di Persiaran Kewajipan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Keadaan semasa di lokasi tersebut didapati '*turning radius*' jalan susur daripada Lebuhraya Shah Alam (Arah Kuala Lumpur) ke Persiaran Kewajipan adalah sempit.

Jarak panjang di antara jalan susur masuk ke Persiaran Kewajipan sehingga ke laluan masuk ke jambatan Kelana Jaya Link adalah 240 m yang mana ianyanya adalah mencukupi.

Dicadangkan kajian dan tindakan lanjut berkaitan menaiktaraf jalan susur kiri masuk ke Persiaran Kewajipan (Arah Kuala Lumpur) tersebut dilaksanakan oleh pihak konsesi/Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi melancarkan aliran lalulintas dan meningkat tahap keselamatan kepada pengguna jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR AIR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bekalan air dari SS12-19 adalah daripada LRA Sg Selangor & kawasan USJ 1-22 adalah daripada LRA Sg Semenyih. Pernahkah Air Selangor membuat kajian feasibiliti untuk membina paip penyambungan serta prasarana lain untuk menghubungkan 2 kawasan ini agar ia bebas daripada gangguan air?

- b) Kalau belum, adakah Air Selangor sudi membuat kajian sedemikian?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kajian telah dibuat oleh Air Selangor pada 2018 untuk menambahbaik penyambungan bekalan air di antara sumber bekalan air yang berlainan. Walau bagaimanapun, Air Selangor menghadapi kekangan disebabkan rizab margin yang rendah pada masa kini iaitu sekitar 9%. Sungguhpun Stream B, Loji Rawatan Air Langat 2 telah mula beroperasi pada 21 Januari 2020 dengan kapasiti 325 juta liter sehari tetapi ianya masih belum mencukupi kerana bekalan air tersebut disalurkan kepada para pengguna di kawasan Kajang dan Pudu, Kuala Lumpur.

Bekalan air alternatif ini boleh dilaksanakan di kawasan Subang Jaya setelah LRA Langat 2 beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti rizab margin pada paras 12% hingga 15% dan rangkaian paip Koridor Barat (*Western Corridor*) yang menghubungkan LRA Langat 2 ke Bukit Dinkel dapat disiapkan sepenuhnya menjelang penghujung tahun 2022.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : SENARAI RUMAH SELANGORKU DAN RUMAH MAMPU MILIK DI DALAM
KAWASAN DUN BALAKONG**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek Rumah Selangorku dan rumah mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina di kawasan DUN Balakong?
- b) Apakah status terkini jualan terhadap projek-projek ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, data Rumah Selangorku adalah direkodkan mengikut mukim dan bukan mengikut kawasan DUN. Oleh yang demikian, perincian data Rumah Selangorku di kawasan DUN Balakong direkodkan mengikut Mukim Kajang dan Mukim Cheras. Sehingga 29 Februari 2020, jumlah Rumah Selangorku yang telah siap, sedang dibina dan dalam perancangan di kedua-dua mukim tersebut adalah sebanyak 29 projek melibatkan 8,066 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **5 projek melibatkan 1,180 unit telah disiapkan, 5 projek melibatkan 917 unit sedang dalam pembinaan dan 18 projek melibatkan 5,969 unit masih dalam perancangan.**
- b) Projek Rumah Selangorku hanya boleh ditawarkan kepada pembeli setelah memperoleh Lesen Mengiklan (AP) daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Berikut merupakan projek yang telah memperoleh AP dan status terkini jualan projek: -

Bil	Projek	Unit	Status Jualan
1	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	714	Habis terjual
2	Luxhome Property Sdn. Bhd	144	Habis terjual
3	Tanming Raya Sdn. Bhd. Pangsapuri Tanming Mutiara	173	Baki kosong 31 unit
4	TJ Land Sdn Bhd	92	Habis terjual
5	TPPT Sdn Bhd	57	Habis terjual

Bil	Projek	Unit	Status Jualan
6	Cheras Hong Soon Development Sdn. Bhd.	361	Baki kosong 114 unit
7	Fabulous Range Sdn. Bhd. Pangsapuri Twin Palms	130	Habis terjual
8	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	148	Baki kosong 36 unit
9	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	204	Habis terjual
10	Wira Cheras Development Sdn. Bhd. (Lot 1474)	74	Habis terjual
	Jumlah Keseluruhan	2,097	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KILANG TANPA IZIN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kilang tanpa izin yang telah dikenalpasti di kawasan DUN Balakong?
- b) Apakah sebab kilang-kilang ini tidak dapat diputihkan?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 226 buah kilang haram di DUN Balakong.
- b) Antara sebab-sebab kilang ini tidak dapat diputihkan adalah seperti berikut:
 - Keenggangan pemilik tanah membuat permohonan, walaupun Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi pelbagai inisiatif di dalam program pemutihan kilang tanpa kebenaran.
 - Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada pengusaha kilang dan pemilik tanah enggan mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Daerah (PTD).
 - Kedudukan kilang di luar zon gunatanah industri yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.